

**KEARIFAN TEMPATAN SEBAGAI ASAS PENDEKATAN DAKWAH
KEPADA KOMUNITI ORANG ASLI SEMAI****LOCAL WISDOM AS A FUNDAMENTAL BASIS FOR DA'WAH APPROACHES
AMONG THE SEMAI INDIGENOUS COMMUNITY**

Zulkefli bin Aini^{1*}, Abdul Ghafar bin Don², Anuar bin Puteh³, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah⁴

¹Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), zulaini@ukm.edu.my

²Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), a.g.don@ukm.edu.my

³Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), anteh@ukm.edu.my

⁴Pusat Kajian Etnik Orang Asli, Universiti Islam Selangor, yusufmarlon@uis.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 03 Mac 2026

| Selepas Pembetulan: 25 April 2026

| Diterima untuk terbit: 30 Mei 2026

Abstrak

Sistem pengetahuan tradisional komuniti Orang Asli kini semakin terancam akibat arus pemodenan, sekali gus mewujudkan jurang dalam pelaksanaan dakwah yang sensitif budaya. Kajian ini bertujuan menganalisis bentuk kearifan tempatan suku kaum Semai di Cameron Highlands, Pahang, sebagai asas dalam memperkukuh pendekatan dakwah. Menggunakan reka bentuk kualitatif melalui analisis kandungan dan kajian kes, data dikumpul melalui analisis dokumen dan temu bual mendalam bersama enam informan yang terdiri daripada tokoh kepimpinan masyarakat setempat. Instrumen kajian telah disahkan oleh panel pakar sebelum dianalisis secara tematik. Hasil kajian mendapati kearifan tempatan komuniti Semai merangkumi enam kategori utama: kemahiran kraftangan, pandangan alam (falsafah dan pantang larang), sistem sosial, kepimpinan tradisional, perubatan herba, dan kemahiran hidup. Bagi memastikan keberkesanan dakwah, para pendakwah perlu mengintegrasikan nilai-nilai tersebut secara bijaksana melalui pendekatan *da'wah bi al-hikmah*, penggunaan naratif atau simbol budaya, serta penglibatan aktif tokoh Batin sebagai agen perubahan. Impak kajian ini menyumbang kepada pemantapan kerangka teoretikal *fiqh al-da'wah* kontekstual dan menawarkan panduan praktikal yang inklusif kepada pendakwah serta institusi agama dalam menyantuni masyarakat peribumi tanpa menjejaskan identiti budaya mereka.

Kata kunci: Kearifan tempatan, pendekatan dakwah, Orang Asli Semai, *fiqh al-da'wah*, warisan budaya.

Abstract

The traditional knowledge systems of the Orang Asli community are increasingly threatened by modernization, creating gaps in executing culturally sensitive da'wah. This study aims to analyze the forms of local wisdom of the Semai tribe in Cameron Highlands, Pahang, as a foundation to strengthen da'wah approaches. Employing a qualitative design through content analysis and case studies, data were gathered via document analysis and in-depth interviews with six informants from the local community leadership. The research instrument was validated by experts and analyzed thematically. The findings reveal that the Semai local wisdom encompasses six core categories: craft skills, worldview (philosophy and taboos), social systems, traditional leadership, herbal medicine, and survival skills. To ensure effective da'wah, preachers must wisely integrate these values through da'wah bi al-hikmah, cultural narratives or symbols, and the active involvement of the Batin leaders as agents of change. This study significantly impacts the theoretical framework of contextual fiqh al-da'wah, offering an inclusive and practical guide for preachers and Islamic institutions in engaging indigenous communities while preserving their cultural heritage.

Keywords: Local wisdom, da'wah approach, Semai Orang Asli, fiqh al-da'wah, cultural heritage.

1.0 PENGENALAN

Masyarakat peribumi di Malaysia lazimnya dikenali sebagai Orang Asli (Carey, 1976). Menurut Hamid (2014) dan Asmah, Samsur dan Noor (2018), istilah Orang Asli dikaitkan dengan konotasi positif yang menonjolkan kedudukan mereka sebagai penduduk asal tanah ini. Dalam konteks pentadbiran dan perundangan di Malaysia, di bawah Fasal 3(1), Akta Orang Asli 1954 (Pindaan 1974), orang Asli ialah

- a. mana-mana orang yang bapanya ialah anggota kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa orang asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan orang asli, dan termasuk seorang keturunan melalui jurai lelaki orang itu;
- b. mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa bayi oleh orang asli yang telah dibesarkan sebagai seorang orang asli, lazimnya bercakap bahasa orang asli, lazimnya mengikut cara hidup orang asli dan adat dan kepercayaan orang asli dan ialah anggota suatu masyarakat orang asli; atau
- c. anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan orang asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazimnya bercakap bahasa orang asli, lazimnya mengikut cara hidup orang asli dan adat dan kepercayaan orang asli dan masih lagi menjadi anggota suatu masyarakat orang asli.

Terdapat tiga kumpulan etnik utama Orang Asli, iaitu Senoi, Negrito dan Melayu Proto. Setiap kumpulan ini terdiri daripada beberapa sub-etnik dengan ciri budaya dan bahasa yang tersendiri sebagaimana Jadual 1. Menurut anggaran Jabatan Kemajuan

Orang Asli (JAKOA) pada tahun 2023 jumlah penduduk Orang Asli di Malaysia dianggarkan seramai 215,215 orang.

Jadual 1: Kumpulan Etnik Orang Asli

Etnik	Sub-etnik
Negrilo	Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Mandriq dan Bateq
Senoi	Che Wong, Mah Meri, Jahut, Semoq Beri, Semai dan Temiar
Melayu	Semelai, Temuan, Orang Kuala, Orang Kanaq, Orang Seletar dan
Proto	Jakun/Orang Ulu

Masyarakat orang Asli merupakan kelompok yang mengekalkan ciri dan nilai yang membentuk jati diri mereka seperti kelompok bersifat heterogen, kaya dengan adat resam serta amalan budaya dan tradisional yang mempunyai hubungan dengan alam, walaupun mereka telah berintegrasi dengan dunia moden. Dalam konteks kepercayaan tradisional, mereka sering melibatkan makhluk ghaib yang menggambarkan pandangan alam yang erat kaitannya dengan unsur kerohanian dan kosmologi (Mohd & Shuhairimi, 2004; Nik Haslinda, 2017). Budaya masyarakat Orang Asli pula merangkumi unsur material dan bukan material. Unsur material adalah seperti ciri fizikal, dialek, pakaian, hasil kraftangan dan bentuk tempat tinggal. Sementara unsur bukan material merangkumi undang-undang, amalan, kepercayaan dan tradisi lisan yang diwariskan secara turun-temurun (Siti, 2015). Keseluruhan elemen budaya ini terbentuk melalui interaksi berterusan dengan persekitaran sejak sekian lama, mencerminkan kebijaksanaan tempatan yang menjadi asas kepada kelestarian identiti serta perpaduan sosial masyarakat Orang Asli.

Walaupun budaya dan kearifan tempatan masyarakat Orang Asli kaya dengan keunikan serta nilai tersendiri, namun dari sudut sistem pengetahuan tradisional mereka semakin terancam akibat arus pemodenan dan pengaruh luar. Keadaan ini menimbulkan cabaran besar terhadap pelaksanaan dakwah yang berkesan dalam kalangan komuniti tersebut. Terdapat jurang yang ketara dalam pemahaman tentang bagaimana amalan budaya dan kearifan tempatan Orang Asli boleh diintegrasikan ke dalam pendekatan dakwah. Tanpa pemahaman ini, para da'i mungkin berhadapan kesukaran untuk membina hubungan yang bermakna dengan masyarakat setempat serta memastikan warisan budaya mereka terus terpelihara. Oleh itu, usaha mengenal pasti dan mendokumentasikan kearifan tempatan masyarakat Orang Asli amat penting, bukan sahaja bagi memperkukuh pendekatan fiqh dakwah yang lebih berkesan, tetapi juga untuk memelihara identiti budaya mereka secara berterusan. Justeru, artikel ini bertujuan menganalisis bentuk kearifan tempatan yang dilaksanakan oleh komuniti orang Asli dalam memperkukuh pendekatan dakwah terhadap komuniti tersebut khususnya suku kaum Semai.

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1. Dakwah

Istilah dakwah digunakan dalam pelbagai konteks dalam al-Quran. Perkataan ini berpunca daripada kata kerja Arab "da'a", manakala kata nama infinitifnya ialah "du'a" dan "da'wah", yang membawa maksud "keinginan atau seruan kepada Allah" (al-

Baqarah, 2:186). Dalam beberapa ayat al-Quran, dakwah juga membawa makna permohonan atau permintaan pertolongan (Hud, 11:13), serta doa atau rayuan kepada Allah (Luqman, 31:32). Selain itu, istilah ini turut mengandungi makna *al-nidā'* (seruan atau jemputan) dan *al-talab* (permintaan atau pencarian). Menurut Zaydan (1993), dakwah ditakrifkan sebagai "seruan kepada Allah", sebagaimana firman Allah dalam Surah Yusuf (12:106) yang bermaksud: "Katakanlah: Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang mengikutiku menyeru kepada Allah dengan penuh ilmu." Seruan ini merujuk kepada ajakan kepada agama Allah, iaitu Islam, sebagaimana ditegaskan dalam Surah Āli 'Imrān (3:19) yang bermaksud: "Sesungguhnya agama (yang benar) di sisi Allah ialah Islam."

Hakikatnya, asas utama dan akar kepada dakwah ialah Islam itu sendiri yang menjadi tujuan dan realiti pengajaran para nabi. Dalam terminologi Islam, da'wah ditakrifkan sebagai seruan para nabi kepada manusia untuk menerima ajaran Allah (Abdullah, 2023). Dari sudut pandangan Islam, semua nabi membawa ajaran Islam dengan cara dan pendekatan masing-masing. Namun, ajaran Nabi Muhammad SAW merupakan penyempurna dan penutup bagi ajaran para nabi sebelumnya, dikenali sebagai ajaran Islam yang terakhir. Istilah "seruan" dalam konteks da'wah merangkumi pelbagai makna, termasuk mengajak, mengundang, memohon serta menyeru manusia untuk menerima Islam sebagai agama dan cara hidup. Menurut Sohirin (2008), matlamat utama da'wah ialah mengajak manusia kepada risalah Ilahi dan mengamalkan syariat Allah melalui perkataan dan perbuatan. Oleh itu, dakwah dapat dirumuskan sebagai seruan kepada tauhid (keesaan Allah), pengiktirafan terhadap dua kalimah syahadah, pengamalan hukum dan petunjuk Allah di muka bumi melalui kata-kata dan tindakan serta pembentukan akhlak manusia berasaskan piawaian Ilahi. Bagi mencapai kejayaan hakiki di dunia dan akhirat, dakwah juga meliputi mengajak individu bukan Islam kepada agama Islam, menggalakkan umat Islam menghayati ajaran agama mereka serta menegakkan syariat Allah dengan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran (Sohirin, 2008).

Menurut Zaydan (1993) dan al-Bayanuni (1995), empat rukun utama dakwah ialah (1). Pendakwah (da'ie) – individu yang menyeru manusia kepada Islam. (2). *Mad'u* – golongan sasaran atau mereka yang diseru kepada Islam. (3). *Mawḍū' al-Da'wah* – kandungan atau isi seruan Islam. (4). *Uslūb al-Da'wah* – pendekatan dan teknik pelaksanaan da'wah. Pendakwah memainkan peranan penting dalam memperkenalkan masyarakat kepada ajaran Islam (Zaydan, 1993). Seorang pendakwah juga merupakan individu yang berakhlak mulia dan menjadi contoh moral serta etika kepada masyarakat (Abdullah, 1988; Burhanuddin et al., 2018). Mereka perlu mempunyai keperibadian unggul serta berkeupayaan untuk menjelaskan ajaran Islam dengan baik agar masyarakat dapat meneladani mereka. Pendakwah yang berkemahiran tinggi mampu mendapatkan kepercayaan khalayak sasaran terutama kelompok bukan Islam. Aspek ini turut melibatkan demografi dan psikografi *mad'u*, serta kepakaran pendakwah dalam pelbagai bidang dakwah (Abd Hadi et al., 2017). Seorang pendakwah perlu menguasai pelbagai jenis ilmu, termasuk (al-Qaradawi, 1986) ilmu berasaskan prinsip Islam: akidah atau tauhid, fiqh dan usul al-fiqh, tafsir al-Quran, hadis dan akhlak; ilmu bahasa dan kesusasteraan; ilmu sejarah; ilmu sains dan teknologi; ilmu kemanusiaan atau sains sosial seperti ekonomi, psikologi, komunikasi; dan isu-isu kontemporari, termasuk keadaan minoriti Muslim di negara bukan Islam. Menurut Nurul Izzah dan Razaleigh (2020), pembangunan personaliti pendakwah adalah penting dan merangkumi atribut dalaman dan luaran seperti akhlak yang baik, kebijaksanaan, kesabaran, serta

penampilan diri yang kemas. Selaras dengan objektif ajaran Islam, personaliti pendakwah berperanan sebagai pemangkin kepada perubahan nilai dalam masyarakat. Hal ini disokong oleh dapatan Zulkefli dan Abdul Ghafar (2022) yang menegaskan bahawa keberkesanan pendakwah dalam melaksanakan tugasnya merupakan salah satu faktor utama kejayaan dakwah.

Mad'u ialah setiap manusia yang diseru kepada Islam (Abdullah, 2023), sebagaimana dijelaskan dalam al-Quran (al-A'rāf, 7:58; Saba', 34:28). Pengelasan golongan *mad'u* dibuat berdasarkan lima faktor (Zaydan, 1993; al-Bayanuni, 1995; Bani Amir, 1999), iaitu (1). Jantina – lelaki, perempuan, khunsa; (2). Umur – kanak-kanak, remaja, dewasa, warga emas; (3). Kepercayaan agama – Muslim, bukan Islam, munafik; (4). Amalan keagamaan – golongan yang menzalimi diri sendiri, golongan pertengahan, dan golongan yang berlumba-lumba melakukan kebaikan (surah Fatir, 35:32); (5). Status sosial – pemimpin dan rakyat biasa. Kandungan dakwah atau objektif sebenar seruan Islam adalah untuk menyeru manusia kepada agama Allah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW, serta meyakini bahawa al-Quran merupakan kitab suci Allah untuk seluruh manusia sepanjang zaman (Abdullah, 2023; Zaydan, 1993). Metodologi dakwah berpaksikan tiga prinsip yang digariskan dalam al-Quran (al-Nahl, 16:125) iaitu (1). *Al-Hikmah* (kebijaksanaan) – seperti menyampaikan ajaran Islam dengan mengambil kira keutamaan topik dan latar belakang intelektual sasaran dakwah. (2). *Al-Maw'izah al-Hasanah* (nasihat yang baik) – seperti menyentuh aspek psikologi dan emosi audien untuk memberi bimbingan secara berkesan. (3). *Al-Mujādalah bi Allatī Hiya Aḥsan* (berdialog dengan cara terbaik) – berhujah secara sopan dan beradab. Prinsip-prinsip ini dikenali sebagai *ummahat al-asātib*, iaitu teras metodologi penyampaian da'wah (al-Bayanuni, 1995). Ia bukan sahaja berpaksikan firman Allah dalam al-Quran, tetapi juga bersifat praktikal bagi pendakwah, ajaran dakwah dan khalayak sasaran. Berdasarkan prinsip ini, seorang pendakwah yang bijaksana perlu menyusun dan menyampaikan ajaran Islam mengikut keutamaan topik dakwah serta menyesuaikan khutbah atau ceramah dengan latar belakang dan tahap intelektual *mad'u*. Pendekatan *al-maw'izah al-ḥasanah* pula menumpukan kepada psikologi *mad'u*. Menurut Zulkefli, S. Salahudin dan Rosmawati (2020), kaedah ini memberi perhatian kepada unsur dalaman *mad'u*, termasuk emosi dan intelek serta cara memujuk mereka untuk berubah ke arah tingkah laku positif dengan pendekatan yang berhemah dan penuh hikmah.

2.2. Kearifan Tempatan

Konsep kearifan tempatan atau *local wisdom* telah melalui perkembangan istilah dan pengertian yang signifikan sejak pertama kali diperkenalkan oleh Quartrich Wales (1951). Dalam bidang antropologi, ia pada awalnya digambarkan sebagai "local genius" atau "local intelligence", dan kemudiannya berkembang menjadi istilah "pengetahuan tempatan". Namun istilah "kearifan tempatan" merupakan istilah yang banyak digunakan oleh para sarjana (Rosidi, 2011; Muhammad et al., 2017).

Kearifan tempatan merujuk kepada himpunan pengetahuan, pengalaman, kepercayaan dan nilai moral yang terbentuk hasil interaksi masyarakat dengan persekitaran mereka. Ia berkembang secara turun-temurun melalui proses budaya dan diwarisi sebagai sebahagian daripada identiti kolektif komuniti. Para sarjana seperti Dahliani et al. (2015) menekankan sifat praktikal, empirikal dan menyeluruh kearifan ini,

manakala Muhammad et al. (2017) dan Jamal et al. (2020) menyoroti peranannya dalam membentuk corak interaksi sosial dan kelangsungan hidup masyarakat.

Selain menjadi panduan tingkah laku dan struktur sosial, kearifan tempatan juga mencerminkan dasar dan nilai teras masyarakat, sama ada dalam bentuk nilai tersurat yang dapat diperhatikan melalui amalan harian, mahupun nilai tersirat yang memerlukan penafsiran mendalam (Abdul & Muhammad, 2019; Muhammad & Mohd, 2020). Ia melibatkan proses penyesuaian berterusan, menggabungkan kepercayaan, amalan dan pengetahuan yang diwarisi (M. Rachmat et al., 2020), serta berfungsi sebagai kompas moral dan asas perpaduan sosial. Pengetahuan tempatan ini wujud dalam dua bentuk utama: pengetahuan nyata seperti teks tradisional, seni bina dan simbol budaya; serta pengetahuan tidak nyata seperti pantang larang, nasihat dan petua lisan. Penyebarannya berlaku melalui pelbagai saluran komunikasi seperti nilai budaya, kepercayaan, ritual, bahasa tempatan, cerita rakyat, muzik dan amalan lestari terhadap sumber alam (Ellen et al., 2005; Pesurnay, 2018). Secara ringkas, kearifan tempatan bukan sahaja menjadi khazanah budaya yang bernilai, tetapi juga memainkan peranan penting sebagai asas identiti, panduan sosial, serta mekanisme pewarisan pengetahuan dalam sesebuah masyarakat.

2.3. Orang Asli Semai

2.3.1 Latarbelakang

Kaum Semai merupakan salah satu sub-etnik Orang Asli daripada kelompok Senoi, yang dikenali melalui penggunaan dialek Semai. Mereka menamakan diri berdasarkan lokasi geografi seperti mai darat (orang pedalaman), mai cenan (orang kawasan perbukitan), nama pekan berdekatan (contohnya Mai Tapah, Mai Kampar), atau lembah sungai utama (seperti Mai Bertak, Mai Cenderi). Istilah "Mai" membawa maksud "orang." Identiti mereka turut dikaitkan dengan kawasan penempatan atau lenggrii', iaitu wilayah yang biasanya ditentukan oleh sempadan semula jadi seperti sungai dan gunung. Keahlian dalam kumpulan ini berasaskan sistem kekeluargaan kognatik (Gomes, 1988).

Dari sudut sejarah, penyelidik Cambridge yang menjalankan kajian lapangan pertama pada tahun 1899–1900 berpendapat bahawa Semai merupakan sebahagian daripada suku Sakai yang mendiami kawasan pergunungan di barat laut Pahang dan barat daya Perak (Sharifah et al., 2019). Semai merupakan keturunan kaum Hoabinhian dan Neolitik. Kini, mereka banyak mendiami kawasan di Perak Tengah dan Selatan serta Pahang Barat, khususnya di Banjaran Titiwangsa (Mohd & Shuhairimi, 2004). Antara kawasan utama penempatan Semai di Perak termasuk Tapah, Parit, Batang Padang, Behrang Ulu, Kampar dan Redang Punggor, manakala di Pahang, mereka terdapat di Tanah Rata dan Kuala Lipis (Siti, Riduan & Mohd, 2019).

Dari segi populasi, jumlah keseluruhan masyarakat Semai di Semenanjung Malaysia adalah sekitar 61,684 orang, menjadikan mereka kumpulan terbesar dalam etnik Senoi. Negeri Perak mencatatkan bilangan tertinggi (35,788 orang), diikuti Pahang (24,489 orang), manakala negeri-negeri lain hanya mempunyai bilangan kecil.

Jadual 2: Taburan populasi orang Asli Semai di Semenanjung Malaysia

Negeri	Jumlah Penduduk
--------	-----------------

Perak	35,788
Pahang	24,489
Selangor	1,124
Kelantan	172
Johor	39
Negeri Sembilan	45
Melaka	15
Kedah	10
Terengganu	2
Wilayah	0
Persekutuan Kuala Lumpur	
Jumlah Keseluruhan	61,684

Sumber: <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/>

Dari aspek fizikal, masyarakat Semai umumnya lebih tinggi sedikit daripada kaum Negrito, mempunyai rambut beralun dan kulit yang lebih cerah. Sebaliknya, kaum Negrito biasanya bertubuh kecil (sekitar lima kaki) serta berambut kerinting (Mohd & Alang, 2018; Clare & Valerie, 2015). Secara keseluruhan, kaum Semai mempunyai sistem identiti berasaskan geografi dan kekeluargaan yang kukuh, sejarah penempatan yang panjang, serta ciri fizikal yang tersendiri, menjadikan mereka antara kumpulan etnik penting dalam landskap masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

2.3.2 Pandangan Alam (*Worldview*)

Identiti etnik masyarakat Semai sangat rapat kaitannya dengan kepercayaan spiritual tradisional berteraskan animisme (Gomes, 1998). Mereka mempercayai kewujudan pelbagai roh seperti *hala'* (dukun), *gunik* (roh pelindung), *nyani* (roh), *ruai* (roh kepala) dan *klook* (roh badan). Kepercayaan ini dizahirkan melalui amalan ritual seperti asik dan kubut, yang mencerminkan pandangan bahawa setiap objek di sekeliling mempunyai roh atau kuasa luar biasa yang boleh mempengaruhi kehidupan mereka. Kesejahteraan hidup bagi masyarakat Semai bergantung kepada keharmonian hubungan dengan alam semesta (Mohd & Shuhairimi, 2004). Pandangan alam mereka merangkumi unsur alam semula jadi seperti gunung, bukit, gaung, batu besar, lembah dan pokok, yang dianggap suci serta didiami oleh roh pelindung. Mereka percaya kepada kewujudan dewa bernama *Nyenang*, yang berkuasa mengatur alam dan mampu mendatangkan bencana jika tidak dihormati. Selain itu, keupayaan ghaib seperti *nyanik pecnoc* dan *nyanik ratah* dipercayai melindungi mereka daripada penyakit, bencana alam dan malapetaka. Ungkapan ritual seperti "tabik tuk, anak cucu tumpeng lalu" digunakan untuk memohon izin roh agar terhindar daripada musibah, kerana pengabaian adat ini dipercayai boleh menyebabkan penyakit atau gangguan spiritual (Mohd & Alang, 2018).

Masyarakat Semai juga mengiktiraf kewujudan satu kuasa tertinggi yang bertanggungjawab terhadap penciptaan, dan melihat fenomena alam seperti kilat sebagai entiti ketuhanan yang berperanan mengawal tingkah laku manusia serta memperkukuh norma sosial. Mereka turut mempercayai kewujudan dewa-dewi lain (cyanic) yang dikaitkan dengan malapetaka, penyakit dan bencana. Bagi memohon perlindungan dan hasil tanaman yang baik, mereka menjalankan ritual korban seperti ayam, bunga dan beras tidak ditampi sebagai persembahan kepada roh bumi (Jamilah et al., 2024). Walaupun majoriti masyarakat Semai masih berpegang kuat kepada

kepercayaan animisme, sebahagian daripada mereka telah menganut agama lain seperti Bahá'í, Islam dan Kristian yang membawa kepada variasi dalam ritual kehidupan seperti perkahwinan, kelahiran dan kematian. Namun begitu, animisme tetap menjadi asas pandangan alam mereka, menekankan kepentingan menjaga hubungan harmoni dengan alam sekitar dan menghormati roh yang dipercayai mendiami persekitaran.

2.3.3 Cara hidup

Corak kehidupan masyarakat Semai sangat bergantung kepada persekitaran semula jadi sebagai sumber utama rezeki dan kelangsungan hidup. Aktiviti ekonomi tradisional mereka meliputi memburu, mengumpul hasil hutan dapertanian sara diri, dengan tanaman utama seperti ubi kayu, pisang, petai, getah, koko, cempedak, kekacang dan jagung. Mereka turut memanfaatkan pelbagai hasil hutan seperti buluh, rotan, mengkuang, tongkat ali, madu kelulut dan ubi liar. Hasil buruan pula termasuk rusa, babi hutan dan ayam hutan (Sharifah S. Ahmad et al., 2019). Dari sudut antropologi, masyarakat Semai di Perak dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu Semai tanah tinggi dan Semai tanah rendah. Semai tanah tinggi lazimnya menjalankan aktiviti pertanian, perikanan, memburu serta mengumpul hasil hutan, manakala Semai tanah rendah lebih cenderung kepada amalan pertanian pindah, bekerja sebagai buruh, atau terlibat dalam perdagangan kecil-kecilan — menunjukkan proses penyesuaian secara beransur-ansur dengan ekonomi moden (Sharina, Rafidah & Shafila, 2023). Walaupun kemahiran pertukangan mereka secara umum terhad, beberapa komuniti seperti di Pos Senderut, Pahang, terkenal dengan kemahiran anyaman dan kraftangan buluh, menghasilkan tikar, bakul dan peralatan berhias yang diwarisi secara turun-temurun.

Kehidupan masyarakat Semai berakar umbi dalam hubungan rapat dengan alam sekitar melalui aktiviti ekonomi tradisional seperti pertanian sara diri, pemburuan dan pengumpulan hasil hutan. Pembahagian antara komuniti tanah tinggi dan tanah rendah menggambarkan kepelbagaian strategi ekonomi serta tahap integrasi mereka ke dalam sistem moden. Selain itu, warisan kraftangan tradisional menonjolkan keunikan budaya dan kemahiran komuniti tertentu yang masih dipelihara sehingga kini.

2.3.4 Bahasa dan struktur sosial

Masyarakat Semai menggunakan bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Semai, yang tergolong dalam keluarga bahasa Aslian dan cabang Mon-Khmer. Namun, akibat interaksi berterusan dengan komuniti jiran, khususnya masyarakat Melayu, ramai dalam kalangan mereka kini menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Peralihan linguistik ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan sarjana kerana ia berpotensi membawa kepada kemerosotan penggunaan bahasa Semai serta penghakisan identiti budaya (Noriah & Meriam, 2005; Sumathi & Inge, 2018; Asmah & Samsur, 2018). Dari segi struktur kepimpinan tradisional, masyarakat Semai dipimpin oleh seorang Penghulu atau Batin, yang biasanya dipilih dalam kalangan individu berpengaruh seperti bomoh, penyembuh tradisional, atau tokoh masyarakat yang dihormati. Sistem kepimpinan ini turut merangkumi jawatan tradisional seperti Tok Raja, Tok Menteri, Tok Batin, Jurukerah, dan Tandil. Kepimpinan dalam masyarakat Semai menekankan tanggungjawab secara kolektif, di mana proses membuat keputusan dilakukan melalui perbincangan dan konsensus, berasaskan nilai tradisi dan rasa hormat bersama. Chua et al. (2021) menjelaskan bahawa kepimpinan Semai dicirikan oleh perkongsian

tanggungjawab, hubungan rapat dengan roh nenek moyang, serta ikatan mendalam dengan alam sekitar. Para pemimpin berperanan sebagai perantara dan penjaga keharmonian sosial, memelihara pengetahuan tradisional, serta membimbing komuniti melalui amalan warisan yang menekankan saling hormat dan penglibatan menyeluruh.

Bahasa dan kepimpinan memainkan peranan penting dalam kelestarian identiti masyarakat Semai. Walaupun bahasa Semai masih digunakan, pengaruh bahasa Melayu sebagai bahasa kedua menunjukkan wujudnya peralihan linguistik yang boleh mengancam warisan budaya mereka. Pada masa yang sama, sistem kepimpinan tradisional yang berasaskan konsensus, nilai kolektif, dan hubungan spiritual menjadi tunjang kepada struktur sosial dan perpaduan komuniti Semai.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini bersifat kualitatif dan menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Pengumpulan data melibatkan dua fasa. Fasa pertama; analisis dokumen seperti artikel jurnal untuk mendapatkan data. Data dianalisis secara tematik dengan memfokuskan kepada jenis dan kategori kearifan tempatan yang diamalkan oleh masyarakat orang Asli Semai dan pendekatan dakwah ketika berinteraksi dengan kearifan tempatan orang Asli. Fasa kedua; temu bual mendalam bersama enam orang informan — dua orang dari komuniti Semai di Kampung Orang Asli (KOA) Bah Renyis, dua orang dari Kampung Telimau, dan dua orang lagi dari Pos Lemoi (Latar belakang demografi informan ditunjukkan dalam Jadual 3). Ketiga-tiga penempatan ini terletak di Cameron Highlands, Pahang, Malaysia. Pemilihan mereka sebagai informan adalah berdasarkan kepada status mereka dalam hierarki kepimpinan dan individu yang berpengaruh secara langsung dan tidak langsung dalam kalangan penduduk kampung (berdasarkan pandangan Batin dan Penggerak Masyarakat Orang Asli). Temu bual secara mendalam dilakukan dengan menggunakan teknik temu bual separa berstruktur bagi mengumpul data sekunder. Para informan ditemu bual bagi mendapatkan maklumat sekunder tentang jenis dan kategori pengetahuan tempatan yang masih diamalkan oleh masyarakat orang Asli suku kaum Semai di tempat tinggal mereka. Instrumen temubual dibina berdasarkan dapatan fasa pertama. Proses kesahan instrumen dilakukan oleh tiga orang pakar yang terdiri daripada dua orang ahli akademik yang berpengalaman dalam penyelidikan dan kerja lapangan melibatkan masyarakat orang Asli serta seorang Penggerak Masyarakat Orang Asli yang bergiat aktif menyantuni masyarakat orang Asli. Kesahan melibatkan dua aspek iaitu kesahan teknikal seperti bahasa dan kesahan kandungan yang boleh diterima dan berkualiti.

Jadual 3: Latarbelakang demografi informan

Informan	Latar belakang Demografi							Kampung Tempat tinggal
	Jantina	Umur	Agama	Pendidikan	Pekerjaan	Status	Kedudukan kepimpinan	
1	Perempuan	28	Islam	Sekolah Rendah	Petani	Janda	Tiada	Bah Renyis
2	Lelaki	58	Baha'i	Tiada	Petani	Berkahwin	Tiada	Bah Renyis
3	Perempuan	59	Islam	Tiada	Petani	Janda	Tiada	Telimau
4	Lelaki	53	Tiada agama	Sekolah Rendah (Darjah 3)	Petani	Berkahwin	Batin	Telimau
5	Perempuan	30	Islam	Sekolah Rendah	Suri rumah	Berkahwin	Tiada	Pos Lemoi

4.0 DAPATAN KAJIAN

1. Kategori Kearifan Tempatan dalam Kalangan Komuniti Orang Asli

Sorotan literatur menunjukkan bahawa kearifan tempatan dalam kalangan masyarakat Orang Asli merangkumi pelbagai kategori pengetahuan, kemahiran dan amalan budaya yang diwarisi secara turun-temurun. Kategori utama ini meliputi kemahiran kraftangan, pandangan alam (*worldview*), sistem sosial, kepimpinan, perubahan tradisional dan kemahiran insaniah/kemahiran hidup. Elemen-elemen ini bukan sahaja mencerminkan keunikan budaya komuniti Orang Asli, tetapi juga memperlihatkan keutuhan sistem pengetahuan orang asli yang terjalin dengan kehidupan seharian mereka (Regina et al., 2019; Jamal et al., 2020; Abas, Aziz & Awang, 2022; Jamilah et al., 2024; Majid & Rosali, 2025; Zulkefli, Md & Mohd, 2025; Choo et al., 2025).

a. Kemahiran Kraftangan

Kemahiran kraftangan Orang Asli mencerminkan kreativiti serta adaptasi terhadap alam sekitar. Antara bentuk kemahiran yang diwarisi ialah:

- i. Anyaman dan pembuatan senjata tradisional seperti jerat haiwan, anak panah dan sumpit.
- ii. Kraf daun kelapa seperti hiasan tarian tradisional (contohnya tarian Siwang) melalui anyaman daun kelapa.
- iii. Anyaman bakul dan tikar menggunakan bahan semula jadi seperti rotan, mengkuang atau pandan.
- iv. Pembuatan jerat haiwan termasuk jerat tali untuk babi dan kambing, perangkap buluh untuk mencederakan atau menangkap haiwan, serta jerat rotan dan besi bagi ayam dan babi hutan.

b. Pandangan Alam (*Worldview*)

Falsafah hidup Orang Asli terserlah melalui bahasa, seni dan adat istiadat mereka.

- i. Bahasa: Penggunaan dan pewarisan bahasa asli secara lisan antara generasi.
- ii. Muzik dan tarian: Persembahan tarian tradisional ketika upacara kesembuhan atau perayaan; nyanyian lagu seperti Jenulak yang menceritakan mimpi dan tokoh mitos.
- iii. Metafora: Ungkapan perbandingan yang kaya makna seperti “putih seperti bunga” atau “keras seperti besi”.
- iv. Pantang larang: Larangan tertentu seperti tidak membenarkan individu sakit masuk ke kampung, serta peraturan berkaitan haid dan upacara kematian.
- v. Adat: Termasuk adat perkahwinan (seperti perkahwinan selepas tinggal bersama) dan adat kematian (memakaikan jenazah dengan pakaian biasa dan membuat persembahan kubur).

c. Sistem Sosial

Struktur sosial Orang Asli dibentuk oleh sistem kekeluargaan yang tersusun. Mereka mempunyai istilah kekeluargaan khusus, seperti datuk (ajom), nenek (jajak), bapa (apak/abek), Ibu (amek/mak) dan anak (kenon).

d. Kepimpinan

Kepimpinan komuniti Orang Asli berasaskan hierarki yang jelas. Antara peranan utama ialah Tok Batin sebagai ketua kampung, Timbalan Batin, Tandil sebagai wakil atau jurucakap kampung.

e. Perubatan Tradisional

Pengetahuan perubatan Orang Asli melibatkan unsur spiritual dan herba semula jadi seperti berikut:

- i. Jampi dan mantera: Diamalkan oleh bomoh berdasarkan mimpi untuk merawat demam atau gangguan.
- ii. Penjagaan ibu bersalin: Penggunaan bidan kampung; pantang pemakanan selepas bersalin seperti tidak makan ayam atau daging, dan hanya mengambil ikan rebus atau ubi.
- iii. Perubatan herba: Penggunaan tumbuhan seperti daun bunga raya untuk batuk dan tongkat ali untuk sakit perut.
- iv. Ramu-ramuan tradisional: Penyediaan rebusan herba daripada pokok tepi sungai atau tumbuhan asli untuk merawat pelbagai penyakit.

f. Kemahiran Insaniah/kemahiran hidup

Selain pengetahuan budaya dan spiritual, Orang Asli juga memiliki kemahiran hidup yang tinggi:

- i. Memburu dan menjejak: Termasuk memburu tupai atau monyet menggunakan sumpit.
- ii. Kemahiran memasak: Memasak nasi, ikan dan sayuran dalam buluh, serta mempelajari teknik memasak melalui pemerhatian langsung.
- iii. Pertanian: Menanam pelbagai tanaman seperti labu, cili, petai, manggis, longan, durian, ubi kayu, keledak, kacang tanah dan jagung sebagai sumber makanan utama.

Secara keseluruhannya, kearifan tempatan Orang Asli merupakan satu sistem pengetahuan yang menyeluruh dan saling berkaitan antara alam, budaya, spiritual, dan kemahiran hidup. Ia bukan sahaja menjadi identiti masyarakat tersebut, tetapi juga berfungsi sebagai asas kelangsungan hidup, struktur sosial, perpaduan komuniti dan kesinambungan budaya mereka. Pengiktirafan dan pemeliharaan terhadap elemen-elemen ini amat penting dalam usaha pemerikasaan komuniti Orang Asli serta pengembangan pendekatan dakwah yang sensitif budaya dan holistik.

2. Kajian Kes: Kearifan Tempatan Komuniti Semai

Kearifan tempatan orang Asli Semai merupakan elemen budaya yang menjadi satu warisan pengetahuan, kemahiran dan kepercayaan tradisional yang amat kaya dan telah dipelihara secara turun-temurun. Salah satu aspek penting kearifan tempatan komuniti ini ialah kemahiran pertukangan dan kraftangan yang sangat halus dan berfungsi secara langsung dalam kehidupan seharian mereka.

a. Kemahiran Anyaman dan Kraftangan

Informan 1 dan 4 menjelaskan bahawa masyarakat Semai mempunyai kemahiran tinggi dalam menganyam rotan untuk menghasilkan bakul dan menggunakan daun mengkuang atau pandan untuk membuat tikar. Di samping itu, anyaman daun kelapa turut digunakan bagi menghasilkan pelbagai aksesori untuk tarian tradisional Siwang, mencerminkan kreativiti seni mereka dalam konteks budaya dan keagamaan.

b. Pembuatan Perangkap Ikan dan Senjata Tradisional

Menurut informan 4 dan 5, buluh memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Semai, terutamanya dalam pembuatan bubu yang menjadi komponen penting bagi aktiviti kelangsungan hidup. Tambahan pula, informan 2 dan 4 menekankan tentang kepentingan sumpit dan anak panah sebagai senjata utama dalam aktiviti memburu haiwan kecil seperti tupai atau monyet. Ini memperlihatkan kesinambungan kemahiran pertukangan yang bukan sahaja bersifat artistik, tetapi juga berfungsi dalam konteks ekonomi subsisten.

c. Inovasi dalam Teknik Perangkap Haiwan

Satu lagi aspek penting kearifan tempatan komuniti Semai ialah kepakaran mereka dalam pembuatan jerat dan perangkap haiwan. Informan 1 dan 2 menyatakan bahawa babi dan kambing sering ditangkap menggunakan jerat tali, manakala perangkap buluh digunakan sebagai alat "periuk api" yang dipasang di tanah dengan objek tajam bagi mencederakan atau menahan haiwan buruan. Komuniti ini juga membezakan antara jenis-jenis perangkap mengikut saiz dan fungsi seperti berikut (informan 5 dan 6):

- i. Perangkap besar dikenali sebagai *belantik* atau *ranjau*, digunakan untuk haiwan besar.
- ii. Perangkap kecil dikenali sebagai *bakok*, *kedik*, *sap*, *jenlek* dan *tilong*, diperbuat daripada rotan dan besi, digunakan untuk menangkap ayam hutan atau haiwan bersaiz kecil.

Pandangan alam dan falsafah hidup masyarakat Semai banyak bergantung kepada bahasa sebagai medium utama pewarisan budaya. Bahasa Semai diturunkan secara lisan dan formal dari satu generasi ke generasi yang lain. Semua informan sependapat bahawa tradisi linguistik ini merupakan teras kepada identiti budaya mereka. Namun begitu, sebagaimana yang diperhatikan oleh informan 6, pengaruh moden telah menyebabkan generasi muda semakin kurang menggunakan bahasa Semai dalam kehidupan seharian, menimbulkan kebimbangan terhadap kesinambungan bahasa warisan ini. Selain bahasa, nyanyian, lagu dan tarian tradisional juga memainkan

peranan penting dalam menggambarkan ekspresi budaya masyarakat Semai. Menurut informan 1 dan 2, tarian Siwang—yang diiringi alunan alat muzik buluh—dilakukan dalam situasi tertentu, khususnya ketika pesakit mengalami penyakit yang tidak dapat dirawat di hospital moden. Hal ini memperlihatkan peranan seni dalam konteks ritual penyembuhan tradisional, selain menjadi lambang identiti budaya mereka. Sejarah penceritaan lisan dan hubungan spiritual masyarakat Semai turut terserlah melalui lagu-lagu perayaan seperti lagu *Jenulak*, yang menceritakan kisah seorang puteri gunung (informan 4). Lagu ini bukan sekadar hiburan, tetapi berfungsi sebagai wahana penyampaian nilai, sejarah dan kepercayaan masyarakat. Di samping itu, masyarakat Semai kerap menggunakan metafora dalam pertuturan dan nyanyian untuk menyampaikan perasaan dan sifat sesuatu perkara. Sebagai contoh, ungkapan “putih seperti bunga” (*biyek* macam bunga) dan “keras seperti besi” (*cegeh* macam besi) sering digunakan bagi melukiskan sifat dan emosi tertentu (informan 4). Menurut informan 6, masyarakat Semai juga mempunyai pantun dua baris yang sering digunakan untuk menegur atau menasihati individu yang bersikap terburu-buru atau gelojoh, seperti berikut:

*Cak jerock cak beleng,
ga berrock ga kenreng.*

Pandangan alam (*Worldview*) masyarakat Semai turut dizahirkan dalam pantang larang dan adat istiadat tradisional yang memainkan peranan penting dalam mengatur kehidupan sosial dan spiritual mereka. Pantang larang ini bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme kawalan sosial, tetapi juga mencerminkan kepercayaan mendalam terhadap keseimbangan antara manusia, alam, dan dunia roh. Dalam konteks pantang larang berkaitan penyakit dan kematian, menurut informan 2, individu yang sakit tidak dibenarkan masuk atau melawat kampung, kerana dipercayai tindakan tersebut boleh memburukkan lagi keadaan pesakit. Malah, dalam kes tertentu, rumah pesakit boleh dirobuhkan sebagai langkah simbolik untuk mengelakkan penularan penyakit atau gangguan spiritual. Berkaitan kematian, informan 1, 2 dan 4 menjelaskan bahawa mayat akan dikafankan dengan pakaian biasa dan dikebumikan selepas satu atau dua hari. Selepas pengebumian, persembahan atau “perasapan” di kubur dilakukan sehingga 100 hari, bagi menghormati roh si mati dan menjaga keharmonian komuniti. Dalam tempoh 100 hari ini, terdapat pantang larang tertentu seperti tidak dibenarkan menyanyi atau memakai barang kemas sehingga tamat tempoh pantang (informan 2, 3 dan 4). Daripada aspek pantang larang berkaitan menstruasi, berdasarkan maklumat daripada informan 2, 3 dan 4, wanita yang sedang haid dilarang makan bersama ahli keluarga atau ahli masyarakat lain. Larangan ini mencerminkan kepercayaan terhadap aspek kesucian dan simbolik dalam adat masyarakat Semai. Manakala aspek adat perkahwinan masyarakat Semai bersifat ringkas tetapi sarat dengan makna budaya. Menurut informan 1, 2 dan 3, sesuatu pasangan dianggap sah sebagai suami isteri apabila mereka telah berkongsi tempat tidur, tanpa perlu melalui upacara rasmi yang rumit. Proses merisik pula melibatkan pembawaan objek simbolik seperti songkok atau sapu tangan kepada pihak perempuan. Jika lamaran ditolak, bayaran simbolik sebanyak 60 sen akan diberikan sebagai tanda penolakan yang beradab.

Struktur sosial masyarakat Semai menekankan hubungan kekeluargaan dan pertalian darah sebagai teras kepada pembentukan ikatan sosial yang kukuh. Mereka menggunakan istilah khusus bagi setiap ahli keluarga untuk memperkukuh rasa kebersamaan. Sebagai contoh, istilah *ajom* dan *jajak* merujuk kepada datuk, nenek,

bapa dan ibu, manakala kanak-kanak dipanggil *kenon*. Hubungan dengan ahli keluarga lain seperti *abah* (bapa saudara) dan *wak* (makcik) juga memainkan peranan penting dalam sistem kekeluargaan mereka. Menurut Informan 6, konsep *kenasih* menjadi asas kepada hubungan persahabatan rapat dalam masyarakat ini. Ia menggambarkan amalan berkongsi suka dan duka antara satu sama lain, sekali gus memperkukuh daya tahan dan solidariti komuniti. Sistem terminologi kekeluargaan yang terperinci ini bukan sekadar bentuk komunikasi, tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme sosial yang mengekalkan keharmonian dan kesinambungan budaya dalam kalangan masyarakat Semai.

Komuniti Semai mempunyai struktur kepimpinan yang tersusun secara hierarki. Jawatan seperti Batin dan timbalannya biasanya disandang oleh individu tertua dan paling dihormati dalam masyarakat. Mereka bukan sahaja memiliki pengetahuan mendalam tentang adat dan budaya, malah juga kemahiran dalam seni tradisional seperti menggubah lagu siwang. Menurut Informan 3, 4, 5 dan 6, Batin berperanan sebagai pemimpin sosial dan rohani yang menjadi rujukan utama dalam hal pengetahuan tradisional, pelindung nilai budaya, serta bertindak sebagai pendamai dalam sebarang pertikaian komuniti. Dari segi penjagaan kesihatan, masyarakat Semai masih sangat bergantung kepada kaedah rawatan tradisional. Jampi serapah yang diperturunkan hanya dipelajari oleh ahli masyarakat bukan Islam (Informan 1, 4, 5 dan 6), dan digunakan dalam upacara penyembuhan seperti merawat demam atau gangguan makhluk halus. Upacara ini lazimnya dikendalikan oleh bomoh atau pawang menggunakan bahasa Semai. Menurut Informan 1, ketika proses kelahiran, kaum ibu akan mendapatkan bantuan bidan kampung, manakala amalan pemakanan selepas bersalin menekankan pengambilan ikan masak dan ubi-ubian berbanding ayam atau daging babi. Masyarakat Semai mengamalkan penggunaan perubatan herba secara meluas sebagai sebahagian daripada sistem rawatan tradisional mereka. Contohnya, daun bunga raya direbus untuk merawat batuk, manakala air rebusan dan akar Tongkat Ali digunakan untuk mengatasi masalah penghadaman (Informan 2 dan 3). Selain itu, rotan atau *cong cerwe* digunakan sebagai ubat cirit-birit, manakala pelbagai ramuan herba lain daripada pokok yang tumbuh di hutan dan sepanjang tebing sungai digunakan untuk merawat selesema dan demam (Informan 4, 5 dan 6).

Selain penguasaan ilmu herba, masyarakat Semai juga memiliki pelbagai kemahiran tradisional (*soft skills*) yang menjadi asas kelangsungan hidup dan pemeliharaan budaya mereka. Antara kemahiran penting tersebut termasuklah pertanian, memburu, menjejak haiwan, dan memasak. Menurut Informan 2, 4, 5 dan 6, penggunaan sumpit untuk memburu tupai dan haiwan besar merupakan amalan biasa. Teknik menjejak pula digunakan bagi memburu babi hutan, harimau dan rusa mencerminkan kecekapan mereka dalam membaca tanda-tanda alam dan pergerakan haiwan.

Teknik memasak masyarakat Semai diwarisi secara turun-temurun melalui proses pemerhatian dan pengalaman praktikal. Salah satu kaedah tradisional yang masih diamalkan ialah penggunaan buluh sebagai bekas untuk memasak nasi dan sup (Informan 1, 2, 5 dan 6). Kaedah ini bukan sahaja mencerminkan kreativiti dalam menggunakan sumber alam sekitar, tetapi juga memperlihatkan nilai keaslian dan kelestarian dalam amalan kuliner mereka. Dari aspek pertanian, masyarakat Semai menanam pelbagai hasil tanaman seperti labu, cili, petai, manggis, longan, durian, ubi

kayu, keledak serta sayur-sayuran tanpa menggunakan racun perosak atau baja kimia (Informan 1–6). Pendekatan ini menunjukkan amalan pertanian lestari yang berasaskan pengetahuan tradisional serta kebergantungan kepada ekosistem semula jadi tanpa mencemari alam sekitar.

Penemuan ini menunjukkan bahawa pengetahuan tradisional masyarakat Semai

sangat pelbagai, merangkumi aspek bahasa, kraf, kepercayaan spiritual, struktur sosial, amalan kesihatan dan kemahiran sara hidup. Kesemua elemen ini membentuk satu sistem kebijaksanaan tempatan yang kompleks, yang berperanan penting dalam mengekalkan identiti budaya dan ketahanan komuniti Semai dalam menghadapi pengaruh luar.

5.0 Perbincangan Kajian

1. Kearifan Tempatan Masyarakat Orang Asli Semai

a. Kraf Tangan dan Kemahiran Halus

Aktiviti anyaman merupakan salah satu hasil kraf terpenting dalam kalangan masyarakat Orang Asli Semai (Siti, Arba'iyah & Mohammad (2020). Kraf ini bukan sahaja menjadi sumber ekonomi melalui penjualan produk, tetapi turut berperanan sebagai lambang identiti budaya mereka. Bahan utama yang digunakan termasuk daun pandan, rotan dan daun kelapa bagi menghasilkan pelbagai barangan yang bersifat praktikal dan simbolik. Keunikan kraf Semai terserlah melalui pembuatan tampuk, iaitu sejenis perhiasan kepala yang diperbuat daripada kulit pokok dan dipakai oleh ketua kampung ketika menjalankan tugas rasmi seperti menyambut tetamu atau pemimpin. Proses pembuatan tampuk dianggap istimewa kerana hanya individu yang dipercayai memiliki semangat harimau—mampu mendengar ngauman harimau walaupun tanpa kehadirannya—layak membuatnya. Ini melambangkan kekuatan spiritual dan kewibawaan kepimpinan dalam masyarakat Semai.

Selain anyaman daun, masyarakat Semai turut mahir dalam anyaman buluh, dikenali sebagai kelarai, yang digunakan untuk membina dinding rumah tradisional mereka. Kemahiran ini memperlihatkan kecekapan mereka dalam memanfaatkan sumber alam sekitar secara lestari. Mereka juga menghasilkan sumpit, iaitu senjata tradisional yang diperbuat daripada buluh ringan seperti sewor dan temiang (Adi, Hood & Rashid, 2006). Sumpit ini digunakan untuk aktiviti memburu haiwan kecil seperti rusa, monyet, babi hutan dan tupai. Dalam pembuatannya, kayu seperti Manggis Hutan dan Penaga turut digunakan bagi memastikan ketahanan dan ketepatan senjata (Siti & Seow, 2013). Menurut Abdul dan Mat (2021), kecekapan masyarakat Orang Asli dalam menghasilkan kelarai dan sumpit mencerminkan pengetahuan mendalam mereka terhadap sumber hutan serta kepakaran dalam seni kraf tradisional yang diwarisi turun-temurun.

Selain aktiviti memburu, masyarakat Orang Asli Semai turut mahir membina perangkap tradisional bagi tujuan perburuan dan kawalan haiwan perosak. Reka bentuk perangkap ini disesuaikan dengan jenis haiwan dan persekitaran, sama ada untuk mendapatkan sumber makanan, perubatan tradisional atau bahan pakaian daripada tulang dan kulit haiwan (Muhammad & Mohd, 2020). Rouzbeh et al. (2014) menegaskan

bahawa masyarakat peribumi memiliki pengetahuan mendalam tentang ekosistem hutan, hidupan liar, sungai, pertanian dan perubatan tradisional. Pengurusan sumber alam mereka berpaksikan tiga prinsip utama:

- i. Pemilikan kolektif, seumpama konsep *caksamak* (makan bersama) dalam kalangan Semai, di mana hasil hutan, tangkapan dan tanaman dikongsi sesama jiran.
- ii. Pengiktirafan terhadap pemilikan Ilahi, iaitu kesedaran bahawa semua sumber alam adalah milik Pencipta.
- iii. Tanah dan biodiversiti sebagai identiti, dengan peranan golongan tua menyampaikan ilmu pengurusan dan pemuliharaan lestari kepada generasi muda.

Selain itu, masyarakat Semai mengamalkan pertanian berskala kecil dan perburuan berhampiran penempatan. Mereka turut mengamalkan arborikultur dengan menanam dan menjaga pokok di kawasan hutan serta kampung bagi memastikan kelestarian pertumbuhan (Hean-Chooi, Elley & Pozi, 2012). Dalam kehidupan seharian, mereka banyak menggunakan tumbuhan liar seperti herba, tanaman menjalar, buah-buahan, sayuran berdaun, batang, tunas dan ubi yang dimakan secara mentah, dimasak atau diperam.

b. Pandangan Alam (*Worldview*) dan Nilai Budaya

Pandangan alam (*Worldview*) pandangan dunia masyarakat Semai merangkumi norma sosial seperti pantang larang, adat resam dan prinsip budaya yang membentuk tingkah laku sejak kecil lagi (Nik Haslinda (2017). Prinsip ini tidak didokumentasikan secara rasmi, namun difahami secara menyeluruh oleh anggota masyarakat sebagai panduan hidup bersama. Ia berfungsi untuk mengelakkan pelanggaran norma yang boleh mengganggu keharmonian sosial dan kesejahteraan rohani komuniti. Pandangan alam (*Worldview*) ini turut mendorong masyarakat Semai membina cita-cita dan nilai luhur yang menjamin keselamatan serta kemakmuran masyarakat secara menyeluruh, mencerminkan hubungan erat antara budaya, spiritualiti dan kehidupan seharian mereka.

c. Ekspresi Budaya dan Ritual

Tarian siwang, yang menggabungkan jenulak (nyanyian) dan ngengsaak (tarian), merupakan salah satu amalan budaya terpenting masyarakat Semai yang mendapat pengiktirafan luas (Nik Haslinda, 2017; Norlida, 2018). Menurut Clare dan Zaharul (2016), lirik jenulak mengandungi pengetahuan tentang flora, fauna dan kepercayaan ghaib yang berkait rapat dengan ekosistem hutan hujan. Tarian ini berfungsi pelbagai, termasuk sebagai hiburan, medium percintaan, perkahwinan, pemujaan semangat padi serta upacara penyembuhan. Biasanya ia dipersembahkan selepas musim menuai sebagai lambang kegembiraan komuniti dalam majlis perkahwinan atau perayaan Tahun Baharu. Tema upacara siwang turut mengalami perubahan mengikut masa. Edo (2009) menyatakan bahawa nyanyian siwang kini turut digunakan untuk menyebarkan ilmu, memperkukuh identiti, memupuk semangat kebangsaan dan menyatukan masyarakat, sambil mengekalkan makna tradisinya.

Dalam konteks ritual penyembuhan, siwang penyembuhan dilaksanakan selama enam malam berturut-turut di ruang terpencil tanpa kehadiran orang luar. Terdapat dua bentuk utama (Norlida, 2018):

- i. Siwang Kebut – dijalankan ketika berlakunya penyakit, kelahiran, kematian atau bencana alam.
- ii. Siwang Asik – bersifat hiburan, seperti menyambut tetamu, meraikan Tahun Baharu atau menghormati roh penjaga kehidupan.

Kedua-dua bentuk siwang melibatkan nyanyian, tarian dan muzik, dengan alat seperti centung buluh dan rebana memainkan peranan penting. Persembahan turut disertai persembahan simbolik seperti pakaian, tumbuhan beraroma dan alat muzik sebagai persembahan kepada roh pelindung. Elemen muzik dan flora dipercayai menarik kehadiran roh penjaga serta membantu kelancaran upacara.

d. Tarian

Tarian siwang dipimpin oleh Tok Hala', iaitu pemimpin ritual atau bomoh, dan melibatkan antara lima hingga sepuluh penari lelaki dan perempuan (Nik Haslinda, 2017). Menurut Clare (2023), masyarakat Semai sangat menghargai kemampuan seseorang menjadi hala', iaitu individu yang menerima jenulak (nyanyian suci) melalui mimpi daripada gunik (roh). Tarian ini mempunyai pelbagai formasi seperti barisan, bulatan, berpasangan atau berkumpul, dengan seorang penyanyi utama—biasanya dalam kalangan orang tua—memimpin korus. Para penari mengenakan perhiasan yang diperbuat daripada daun kelapa kering. Selepas upacara, perhiasan tersebut digantung pada dinding atau dihanyutkan ke sungai sebagai tanda penghormatan. Terdapat pantang larang yang melarang pembakaran atau pemijakan terhadap perhiasan ini kerana dipercayai boleh menyebabkan penyakit atau gangguan jiwa. Persembahan siwang lazimnya diadakan lewat malam atau awal pagi, dan diwarisi secara lisan turun-temurun (Clare & Valerie, 2015). Gabungan muzik instrumental dan vokal dalam tarian ini berperanan penting dalam mempertahankan nilai budaya, termasuk peranan gender, tanggungjawab sosial dan kehidupan bermasyarakat yang egalitarian.

e. Seni Bina Rumah dan Kepercayaan Spiritual

Rumah tradisional masyarakat Semai dibina dengan orientasi tertentu, iaitu menghadap ke arah barat, utara dan selatan sejajar dengan matahari terbenam, manakala arah timur sengaja dielakkan. Susun atur ini mencerminkan kepercayaan spiritual bahawa setiap penjuru dunia dihuni oleh penjaga ghaib yang perlu dihormati. Masyarakat Semai turut mengamalkan pantang larang tidur pada waktu senja, kerana dipercayai pada waktu inilah makhluk halus dikenali sebagai *kermojj*—sejenis hantu dalam kepercayaan Melayu—akan keluar mencari makanan (Juli, 1993; Ahmad & Abdul, 2010). Tidur pada waktu ini dikatakan boleh menyebabkan seseorang menjadi "hamba" kepada *kermojj*, sekali gus terdedah kepada gangguan spiritual dan penyakit. Ibu-ibu juga dinasihatkan supaya memeluk anak-anak ketika waktu tidur bagi melindungi mereka daripada gangguan makhluk halus. Kepercayaan ini memperlihatkan bagaimana aspek seni bina dan amalan seharian masyarakat Semai berakar umbi dalam sistem kepercayaan spiritual mereka.

2. Pendekatan Dakwah dalam Berinteraksi dengan Kearifan Tempatan Orang Asli

Pendakwah memikul tanggungjawab penting untuk menyebarkan ajaran Islam kepada semua lapisan masyarakat, termasuk komuniti pribumi yang memiliki tradisi, budaya dan kepercayaan tersendiri (Abdul Ghafar, 2025). Bagi memastikan keberkesanan komunikasi dakwah, pendakwah perlu memahami serta mengaplikasikan kearifan tempatan sebagai instrumen komunikasi utama (Zulkefli et al., 2019). Syamsul et al. (2024) menegaskan bahawa kearifan tempatan mempunyai kedudukan penting dalam *fiqh al-da'wah* kerana ia berperanan dalam mengkontekstualkan penyampaian dakwah. Abdul Wahid (2018) pula mengusulkan pendekatan dakwah berasaskan budaya yang menekankan penghormatan dan pengintegrasian realiti sosial serta amalan budaya komuniti setempat dalam penyampaian ajaran Islam. Pendekatan ini selari dengan konsep *da'wah bi al-hikmah* — iaitu berdakwah dengan kebijaksanaan — yang menggunakan pengetahuan setempat dan nilai budaya sebagai medium untuk menyelaraskan prinsip Islam dengan tradisi pribumi (Abdul Wahid, 2022). Pendekatan dakwah yang menggabungkan kearifan tempatan secara bijaksana dapat memperkukuh keberkesanan *fiqh* dakwah dalam kalangan masyarakat orang Asli serta mewujudkan keharmonian antara ajaran Islam dengan tradisi setempat selagi tidak bertentangan dengan agama Islam.

Pendakwah boleh mengaplikasikan pelbagai pendekatan untuk berinteraksi secara berkesan dengan komuniti Orang Asli melalui penghayatan dan penggunaan kearifan tempatan dalam pelaksanaan dakwah mereka.

a. Memahami, Menghormati dan Menghargai Kearifan Tempatan

Menurut Don et al. (2025), pendakwah perlu terlebih dahulu mendalami bahasa, budaya, tradisi dan kepercayaan masyarakat orang Asli. Tindakan menghormati dan mengiktiraf keunikan identiti mereka dapat membina kepercayaan serta membuka ruang komunikasi yang lebih harmoni. Pendekatan ini juga menunjukkan bahawa Islam bukan ancaman kepada cara hidup mereka, sebaliknya mampu melengkapinya dan memperkaya budaya sedia ada. Muhammad dan Abdul Karim (2019) menegaskan bahawa kearifan tempatan boleh dimanfaatkan dalam dakwah selagi tidak bercanggah dengan ajaran Islam, tidak merosakkan akal, tidak mendatangkan mudarat, serta tidak bertentangan dengan prinsip Syariah. Abdul Wahid (2018) pula menjelaskan bahawa Islam berperanan untuk menyerap dan menyesuaikan ajarannya ke dalam budaya setempat tanpa memadamkan nilai budaya asal. Banyak nilai murni seperti keadilan, kejujuran dan rasa hormat sebenarnya sejajar dengan prinsip Islam (Abdul Wahid, 2022). Pendekatan ini menunjukkan bahawa amalan budaya yang tidak bertentangan dengan syarak boleh diharmonikan dengan ajaran Islam. Dengan demikian, dakwah menjadi lebih sensitif terhadap konteks budaya setempat dan berpotensi meningkatkan keberkesanan penyampaian kepada komuniti Orang Asli.

b. Menghubungkan Nilai-Nilai Islam dengan Kearifan Tempatan

Ajaran Islam mempunyai banyak persamaan dengan prinsip moral dan etika yang terkandung dalam kearifan tempatan, seperti kejujuran, tolong-menolong, rasa hormat, dan penjagaan alam sekitar (Panggih & Hamzah, 2024). Pendakwah boleh menonjolkan nilai-nilai sejagat ini sebagai titik temu untuk memperkukuh kefahaman dan penerimaan

terhadap prinsip Islam. Sebagai contoh, pandangan Islam tentang pemeliharaan alam sekitar sangat selaras dengan etika alam sekitar masyarakat pribumi, sekali gus mewujudkan landasan bersama untuk dialog yang lebih produktif. Islam juga menggalakkan pengintegrasian kearifan tempatan yang selari dengan nilai terasnya, sambil menyeru kepada pembaikan atau penolakan unsur budaya yang bertentangan dengan ajaran Islam (Abu Bakar, 2022). Tomi et al. (2023) menegaskan bahawa penghormatan dan pemeliharaan pengetahuan pribumi—terutama yang menjunjung keadilan dan moral—merupakan faktor penting dalam keberkesanan dakwah. Pendekatan ini menunjukkan bahawa Islam menghargai kepelbagaian budaya serta menekankan nilai kemanusiaan sejagat, sekali gus memperkukuh penerimaan dakwah dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

c. Menggunakan Simbol dan Cerita Tradisional

Pendakwah boleh memanfaatkan simbol tempatan, kisah rakyat, dan cerita budaya sebagai medium penyampaian mesej Islam. Cerita rakyat yang mencerminkan identiti serta pandangan dunia sesebuah komuniti (Siti & Jama'ah, 2013) sering mengandungi pengajaran moral yang boleh ditafsir semula agar selaras dengan ajaran Islam. Kajian Mohd (2017) menunjukkan bahawa kisah rakyat masyarakat pribumi sarat dengan nilai-nilai murni seperti keamanan, kejujuran, rasa hormat dan tanggungjawab sosial. Nilai-nilai ini boleh dijadikan alat dakwah yang berkesan apabila disampaikan melalui kaedah penceritaan yang menarik dan sesuai dengan konteks budaya setempat. Seorang pendakwah yang mahir dalam bahasa serta naratif budaya tempatan berupaya menggabungkan elemen positif daripada cerita-cerita tradisional ini bagi menyampaikan mesej Islam secara lebih dekat, mudah difahami dan diterima oleh komuniti. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh keberkesanan dakwah, malah menonjolkan keindahan Islam melalui bahasa budaya yang mereka kenali.

d. Melibatkan Tokoh Tempatan dan Pemimpin Komuniti

Bekerjasama dengan tokoh tempatan yang dihormati—seperti orang tua adat, ketua tradisional atau pemimpin agama—dapat meningkatkan keberkesanan penyampaian dakwah secara signifikan (Halim et al., 2022). Individu-individu ini mempunyai kedudukan kepercayaan yang tinggi dalam komuniti dan berperanan sebagai duta kepada mesej dakwah, sekali gus mempengaruhi tahap penerimaan dan pemahaman masyarakat terhadap ajaran Islam. Dewa et al. (2024) menjelaskan bahawa penglibatan tokoh komuniti berfungsi sebagai bentuk modal sosial, iaitu membina kepercayaan, nilai bersama dan jaringan hubungan yang mengukuhkan perpaduan masyarakat. Dengan melibatkan pemimpin dalam inisiatif dakwah, suasana yang kondusif untuk dialog dapat diwujudkan, seterusnya memudahkan proses pengintegrasian nilai-nilai Islam ke dalam struktur sosial dan budaya tempatan. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh kredibiliti dakwah, malah membantu menjadikan mesej Islam lebih mudah diterima kerana disampaikan melalui suara dan saluran yang dipercayai oleh komuniti.

e. Menganjurkan Aktiviti dan Program Berasaskan Kearifan Tempatan

Pendakwah boleh menganjurkan pelbagai aktiviti dan program yang berteraskan budaya setempat seperti perhimpunan keagamaan, projek alam sekitar atau sesi dialog santai yang dekat dengan tradisi komuniti (Jamilah & Engku, 2017). Aktiviti sebegini

berperanan sebagai platform untuk memperkenalkan ajaran Islam dalam konteks yang mesra dan mudah difahami oleh masyarakat. Sebagai contoh, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah melaksanakan program seperti “Dakwah dan Ziarah Mesra” yang menekankan pembinaan hubungan tulen melalui aktiviti kunjungan dan penglibatan komuniti (Muhammad & Nawi, 2025). Inisiatif sebegini perlu disesuaikan dengan adat serta amalan setempat bagi mewujudkan interaksi yang positif dan inklusif, menjadikan mesej Islam lebih relevan serta tidak dianggap asing. Program yang menghormati tradisi tempatan dan melibatkan penyertaan aktif masyarakat berpotensi tinggi untuk meningkatkan penerimaan terhadap dakwah serta memudahkan penghayatan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian komuniti.

6.0 Kesimpulan

Pendekatan dakwah yang berkesan dalam kalangan komuniti Orang Asli memerlukan pengintegrasian kearifan tempatan sebagai teras utama dalam strategi fiqh dakwah. Kejayaan usaha ini bergantung pada keterbukaan minda pendakwah, kefahaman mendalam terhadap budaya setempat, serta keupayaan menghubungkan ajaran Islam dengan pengalaman harian masyarakat. Apabila dakwah dilaksanakan dengan adab dan kepekaan budaya, usaha meningkatkan kesedaran keagamaan serta membina hubungan harmoni lebih mudah dicapai.

Pendekatan dakwah berasaskan kearifan tempatan memperkukuh rangka teori dan amalan dakwah melalui penyesuaian komunikasi, kepekaan budaya dan pengkontekstualan mesej. Kajian ini menunjukkan bagaimana kepercayaan, cerita rakyat dan peribahasa Orang Asli dapat dijadikan medium yang dekat dengan realiti komuniti untuk menyampaikan nilai Islam secara berkesan. Integrasi ini bukan sahaja menghubungkan teori abstrak dengan pengalaman sebenar, tetapi turut membuktikan fleksibiliti dakwah merentas pelbagai budaya. Pendekatan berasaskan kearifan tempatan meningkatkan penerimaan dan rasa kepunyaan komuniti kerana mesej agama disampaikan selari dengan identiti budaya mereka. Ia juga memupuk toleransi, mengurangkan konflik dan mengukuhkan perpaduan sosial. Model ini berpotensi digunakan dalam konteks masyarakat pribumi lain melalui proses asimilasi dan pengindigenan budaya. Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa penghormatan terhadap tradisi tempatan dan pemahaman mendalam terhadap worldview komuniti mampu meningkatkan keberkesanan, keterlibatan serta keterangkuman dalam dakwah. Pendekatan ini menawarkan panduan praktikal kepada pendakwah, sarjana dan pembuat dasar dalam membangunkan strategi dakwah yang lebih relevan, inklusif dan peka budaya.

RUJUKAN

- Abas, A., Aziz, A., & Awang, A. (2022). A systematic review on the local wisdom of indigenous people in nature conservation. *Sustainability*, 14(6), 3415: 1-16.
- Abd. Hadi, K. & Karim, H. (2017). “Diglossia” dan “loyalti” bahasa dalam kalangan masyarakat Orang Asli Semai. *Jurnal Linguistik*. 21 (2): 48-59.
- Abd Hadi, B., Mohamad, M. A. R., & Wahyu, H. A. (2017). Faktor-Faktor Tarikan Dalam Metod Dakwah: Satu Sorotan Literatur. E-Proceeding Book 4th International

- Conference on Human Sustainability, 1-2 November 2017 at Muzaffar Hotel Melaka.
- Abdul, M. M. A. S., & Mat, S. N. S. (2021). Visualizing of Blowpipe Business Identity Symbol of The Orang Asli Community. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 9(2): 66-76.
- Abdul Ghafar, D. (2025). *Dakwah Masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Wahid. (2022). Potret Dakwah dalam Mengakomodasi Nilai-Nilai Kearifan Lokal Menuju Asimilasi Budaya. *Al-Mubarak Jurnal Kajian Al-Quran & Tafsir*. 7(1): 62-72.
- Abdullah, M. Z. (2023). *Islamic Da'wah (Mission): The Definition, Conception and Foundation*. New Edition. Kajang Selangor: Yayasan al-Iman.
- Abdullah, N. 'U. (1988). *Akhlah Para Pendakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Abu Bakar. (2022). Peradaban Masyarakat Arab Sebelum Islam. *Albahru: Jurnal Ilmiah Pendidikan Agama Islam*, 1(1), 57-66.
- Ahmad, R. M. Y. & Abdul, G. H. D. (2010). Kepercayaan Animisme Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. *Al-Hikmah*, 2: 119-125.
- Anon. (2002). *Kehidupan, Budaya dan Pantang Larang Orang Asli*. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- Aqhari, I., Saravanan, V., Mohamad, L. A. R., Malini, G. & Nordiana, H. (2024). Tingkah Laku Kepimpinan Masyarakat Semai dalam Novel Ludaad. *Akademika*, 94(1): 80-93.
- Arora, R. (2019). Audience Analysis Essential for Effective Speaking. *Journal of Emerging, Technologies and Innovative Research*. 6(1): 539-545.
- Asmah, H. O., Samsur, R. Y. & Noor, H. M. N. (2018). *The Orang Asli of Malaysia: A Linguistic Perspective*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Bani Amir, M. A. H. M. (1999). *Asalib al-Da'wah wa al-Irshad*. Yarmuk: Jami'at al-Yarmuk.
- Al-Bayanuni, M. A. F. (1995). *Al-Madkhal Ila 'Ilm al-Da'wah*. Third Print. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Berhanundin, A. (2017). Dakwah ke luar masyarakat non-Muslim. Dlm. Abdul Ghafar Haji Don & Zulkiple Abd. Ghani (pnyt.). *Dakwah kepada Non-Muslim di Malaysia Konsep Metode dan Pengalaman*, Bangi: Penerbit UKM, 64-72
- Carey, I. (1976). *The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Choo, Y. K., Ahmad, T. T., Fang, Y. X. & Sarjit, S. G. (2025). Cultural Identity Struggles of the Jahut in Malaysia. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 33 (S1): 23 – 38.
- Chua, R. Y., Kadirvelu, A., Yasin, S., & Park, M. S. A. (2021). An exploratory Model of Family Resilience Processes and Functioning: A cultural perspective of the Semai Indigenous communities in Perak, Malaysia. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 52(6): 567-582.
- Clare, C. S. C. & Valerie, R. (2015). Preliminary Exploration of a Semai Musician's Transmission of Indigenous Musical Traditions in Peninsular Malaysia. *Pertanika Journal Social Sciences. & Humanities*. 23 (3): 691 – 710.
- Clare, S. C. C. & Zaharul, L. S. (2016). Constructing Contemporary Traditional Semai Music through an Exploration of the Talents and Interests of the Youth. Conference: 2nd International Music and Performing Arts (IMPAC2016)

- Conference (22-24 November 2016). At Faculty of Music and Performing Arts, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Clare, S. C. C. (2023). Demystifying Knowledge on Music Transmission, Creation, and Succession among the Indigenous Semai of Malaysia. *Malaysian Journal of Music*, 12(1): 80–98.
- Dahlani, I., S. & Setijanti, Purwanita. (2015). Local wisdom in built environment in globalization era. *International Journal of Education and Research*, 3(6): 157-166.
- Dentan, R. K. (1968). *The Semai: A Nonviolent People of Malaya*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Dewa, A. G. A., Ahmad, M. N., Sumarmi, Idris, Bayu, K. (2024). Local wisdom as a model of interfaith communication in creating religious harmony in Indonesia. *Social Sciences & Humanities Open*. 9, <https://doi.org/10.1016/j.ssaho.2024.100827>
- Don, A. G., Puteh, A., Abdul Ghani, M. Z., Muhamat@Kawangit, R., Aini, Z., & Rahim, N. N. (2025). Kesepakatan Pakar terhadap Konstruksi Kompetensi Pendakwah Masyarakat Orang Asli di Malaysia: The Consensus of Experts on the Competency Construct of Orang Asli Community Preachers in Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 18(1): 144–159.
- Edo, J., Williams-Hunt, A., & Dentan, R. K. (2009). 'Surrender', peacekeeping and internal colonialism. A Malaysian instance. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde (BKI)*, 165(2/3): 215-240.
- Gomes, A. G. (1988). The Semai: The Making of an Ethnic Group In Malaysia. In A. Terry Rambo, Kathleen Gillogly, Karl L. Hutterer (eds). *Ethnic Diversity and the Control of Natural Resources in Southeast Asia*. USA: University of Michigan Press, University of Michigan Center for South East Asian Studies.
- Habib, S. A. & Eka, P. (2018). Pribumisasi Islam Nusantara Dan Relevansinya dengan Nilai-Nilai Kearifan Lokal di Indonesia. *Jurnal Fikri*, 3(1): 219-258.
- Halim, M., Muhammad, Y. M. A., Zulkefli, H. A., Mustafa, K. A. M. & Abdul, H. M. (2022). Prinsip-Prinsip Umum Kepimpinan Spiritual Dalam kalangan Tok Batin Masyarakat Orang Asli. Dalam *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Dakwah Dan Usuluddin*. Bandar Seri Putra: Fakulti Pengajian Peradaban Islam.
- Hamid, M. I. (2014). Asal Usul Orang Asli Antara Fakta dan Fiktif. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. 27: 49-61.
- Hean-Chooi, O., Elley, L. & Pozi, M. (2012). Traditional knowledge and usage of edible plants among the Semai community of Kampung Batu 16, Tapah, Perak, Malaysia. *Scientific Research and Essays*. 7(4): 441-445
- Jamal, R. R., Jamilah, B. M., Anis, N. A., Hasmadi, H. & Imaduddin, A. (2020). Kearifan Tempatan Che Wong. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*. 9(1): 109-122.
- Jamilah, S. & Engku, A. Z. (2017). Aktiviti Dakwah Jakim Terhadap Masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan Dan Cabarannya. *Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS)*, 1(1): 45-61.
- Jamilah, S., Nur, B. I. Z., Rafiaah, A., Che, W. I. R. C. W. I., Nurah, A. R. & Abdul, M. E. (2024). Orang Asli Knowledge – The Wisdom Inheritance of Indigenous Peoples. *Educational Administration: Theory And Practice*, 30(5): 11952-11966.
- Juli, E. (1993). Kepercayaan dan Pantang Larang di Kalangan Orang Semai. In Mohamed Salleh Lamry & Hasan Mat Nor (penyunting). *Masyarakat dan Perubahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Leary, J. D. (1995). *Violence and the Dream People, The Orang Asli in the Malaysian Emergency 1948-1956*, USA.
- Lim, H. F., Norini, H., Norshakila, Y., Intan, N. B., Nik, M. M., Tan, A. L., Nurul, H. Z., Fadzureena, J., Mastura, M. (2015). Documenting Traditional Forest-Related Knowledge of Medicinal Plants in Malaysia: A Comprehensive Approach. *J. Trop. Resour. Sustain.Sci.* 3: 77-85.
- M. Rachmat, E., Edi, S. & Malki, A. N. (2020). The Local Wisdom Based on Religious Values A Case of indigenous People in Indonesia. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 8(3): 1395-1404.
- M. Rafiek. (2012). Kearifan Lokal dalam Hikayat Raja Banjar. *International Journal of the Malay World and Civilisation* (Iman) 30(1): 67 – 104.
- Majid, N.H.A. & Rosali, M.A. (2025). Discovering the Wisdom of the Orang Asli Traditional Dwellings: Typologies Formation through Physical Characteristics. Engineering Proceedings, The 8th Mechanical Engineering, Science and Technology International Conference, 84, 48, 1-14.
- Mohd, F. I. (2017). Nilai budaya dalam cerita rakyat masyarakat orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia. Tesis ijazah Master Sastera Universiti Putra Malaysia.
- Mohd, F. I. & Mohd, F. Y. (2018). Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 6(2): 121–143.
- Mohd, M. M. A. & Shuhairimi, A. (2004). Pembentukan Nilai-Nilai Murni Masyarakat Semai Melalui Konsep Pandang Dunia (World View): Satu Analisis Awal. Makalah di Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), Langkawi: Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan Universiti Utara Malaysia.
- Mohd, R. S. & Abu, H. A. (2014). Konsep dan Bentuk Metrologi dalam Peribahasa Suku Kaum Semai di Lembah Jelai, Pahang. *PENDETA: Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*, 5 (1): 37-56.
- Mohd, S. Y. & Alang, S. (2018). *Sari Budaya dan Bahasa Suku Semai*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad, D., Selmita, P., Rahma, M., Hamonangan, S. & Tarmizi, A. (2017). Public Accountability Based on The Value of Local Wisdom. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 8 (8): 1046-1053.
- Muhammad, F. A., Azmah, O., Rohana, J., Candyrilla, V. B., Elizabeth, P. & Mohd, T. A. (2020). Traditional Knowledge and The Uses Of Natural Resources By The Resettlement of Indigenous People In Malaysia. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*, 25(1): 168-190
- Muhammad, H. M. R. & Mohd, Y. M. Y. (2020). Pemuliharaan Jerat Sembat Orang Asli Suku Temuan Di Kampung Gapam, Jasin, Melaka. *Jurnal Melayu*. Isu Khas Disember: 663-679.
- Muhammad, I. R. & Abdul, K. A. (2019). Konsep Kearifan Tempatan Menurut Perspektif Hukum Islam. *Jurnal Fiqh*, 16(1): 1-24.
- Muhammad, N. (1978). *Fiqh al-Da`wah*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Muhammad, Y. Y. @ S. & Mohd, A. R. (2020). Pentakrifan Kearifan Tempatan: Suatu Sorotan. *Jurnal Melayu*. 19(2): 175-188.

- Mustapha, R. B. (2013). Attributes that affect self-efficacy and career development of Orang Asli youth in Peninsular Malaysia. *Journal of Southeast Asian Education*, 6(1): 1-24.
- Nafisiah, H. A. R. (2001). Adat Dan Pantang Larang Dalam Masyarakat Orang Asli Suku Semai. *Gading*. 6(1&2): 203-225.
- Nik Haslinda, N.H. (2017). *Pembentukan nilai-nilai masyarakat orang asli Kelantan melalui konsep Tarian Sewang*. In: The 1st International Conference on Political Science Development (ICOPOI 2017), 22-23 Mei 2017, University Sumatera Utara Medan Indonesia.
- Norlida, M. J. (2018). Siwang Asik, Ritual Komuniti Semai, Kumpulan Bah Lut Di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak. Tesis Ijazah Doktor Falsafah (Etnomuzikologi). Fakulti Muzik Dan Seni Persembahan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nurul, I. C. Z. & Razaleigh, M. (2020). Personaliti Pendakwah Dalam Menyantuni Masyarakat Non-muslim. *Al-Hikmah* 12(1): 19-36.
- P. Veeramuthu, S., Isa, A., Abdul Rahman, M. L., Ganapathy, M., Hamzah, N., & M.A.R Annamalai, M. D. (2023). Pemerkasaan Komuniti sebagai Elemen Kepemimpinan Orang Semai dalam Novel Ludaad. *PENDETA*, 14(1), 52–64.
- Panggih, W. & Hamzah. (2024). Strategies for Preserving Local Wisdom in Islam and Its Implementation in Indonesia. *JIIS: Journal of Indonesian Islamic Studies*. 3(2): 51 – 64.
- Pesurnay, A. J. (2018). Local wisdom in a new paradigm: Applying system theory to the study of local culture in Indonesia. IOP Conference Series: Earth and Environmental Science, 175(1).<https://doi.org/10.1088/1755-1315/175/1/01203723>.
- Al-Qaradawi, Y. (1986). *Thaqafat al-Da'iyah*. Cetakan ke 8. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Y. (2012). *Fleksibiliti Islam: Prinsip, Akidah, Keutamaan, Sumber*. Mohammad Zaini (terj.). Bangi: Syabab Book Links.
- Rahimin, A. A. R., Ruzman, M. N., Nor, H. M. D. & Norafifah, A. H. (2013). Islam dan Kearifan Tempatan di Alam Melayu: Analisis Kritikal. *Jurnal Jati*, 18 (1): 233-245.
- Regina, L., Norwaliza, A. W., Ramlee, M., Goh, S. C., Ramlee, A. & Mohd, P. M. S. (2019). Sustainability of Orang Asli Indigenous Knowledge and Practices of Green Technology in Medicine. *Journal of Asian Vocational Education and Training*. 12: 74-89.
- Rohaida, N. (2018). *Rights of the Indigenous People in Peninsular Malaysia: Domestic and International Perspectives*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosidi, A. (2011). *Kearifan Lokal dalam Perspektif Budaya Sunda*. Bandung: Kiblat Buku Utama.
- Ross, D. G. (2013). Deep audience analysis: A proposed method for analyzing audiences for environment-related communication. *Technical Communication*, 60(2): 94–117.
- Rouzbeh, K., Fatimah, K., Siti, R. Y. & Siti, H. Y. (2014). Traditional Knowledge of Orang Asli on Forest in Peninsular Malaysia. *Indian Journal of Traditional Knowledge*. 13(2): 283-291.
- Sohirin, M.S. (2008). *Islamic Da'wah: Theory and Practice*. Gombak Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.
- Samsul, M. A. (2013). *Ilmu Dakwah*. Cetakan ke2. Jakarta: AMZAH.

- Sharifah, S. A., Dayang, H. A. K., Zamri, H. H., Wong, S. K., Peter, K. & Justin, P. (2019). *Orang Asal Semai Dan Temiar Di Pahang Dan Kelantan Semenanjung Malaysia: Sejarah, Budaya Dan Bahasa*. Kota Samarahan Sarawak: UNIMAS Publisher.
- Sharina, S., Rafidah, A. & Shafila, S. (2023). A Silent Folks: A Modern Lore Preserving the Indigenous Folktales, Myths, and Legends in the Digital Era. *Ideology Journal*, 8(2): 149-160.
- Siti, A. Z., Riduan, M. & Mohd, S. Y. (2019). Pemilihan Bahasa Dalam Masyarakat Semai Di Hulu Selangor. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 16(9): 115-132.
- Siti, F. S. & Jama'yah, Z. (2013). Masa Depan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Jakun. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*. 1(1): 83-88.
- Siti, N. A. N. J. S., Arba'iyah, Ab, A. & Mohammad, K. A. A. (2020). The Motifs of Semai Craft (Anyaman) in Malaysia. *International Journal of INTI*. 24(Special Issue AnDIC2020): 17-21.
- Siti, A., M. S., & Seow, T. W. (2013). *Practice cultural of Orang Asli Jakun at Kampung Peta*. 1st FPTP Postgraduate Seminar 2013, 23 December 2013, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Sumathi, R. & Inge, K. (2018). Digital preservation of language, cultural knowledge and traditions of the indigenous Semai. SHS Web of Conferences 53, 02001 <https://doi.org/10.1051/shsconf/20185302001>
- Syamsul, A. M., Mohd, N. H. H. H., Habibah, @Artini, R., Abdul, H. B. A., Abang, M. R. A. M., Suraya, S., Mohd, A. R., Khairul, A. M., & Mohd, Z. J. (2024). Consideration of Local Wisdom Elements in The Concept of Fiqh Sabahi: A Literature Review. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 14(3): 509-520.
- Tan, M. N. A. R., Cong, L., Widyastuti, Komalah, A., Xinyi, W., Anis, F. M. A. & Muhammad, A. M. (2023). Framework for Developing Local Knowledge Curriculum of Orang Asli Children in Malaysia Using Fuzzy Delphi Method. *ISPsy 2023*, July 18-19, Purwokerto, Indonesia. DOI 10.4108/eai.18-7-2023.2343801
- Tomi, H., Siti, A. N. A. & Kori, L. M. (2023). Dakwah Islam dan Kearifan Budaya Lokal (Konsep dan Strategi Menyebarkan Ajaran Islam). *Journal of Da'wah*. 2(1): 65-82.
- Yusniza, Y., Faizah, A. & Nasariah, M. (2011). Evolusi Bahasa dalam Kalangan Masyarakat Semai: Satu Kajian Kes di Kampung Sungai Rui, Cameron Highlands. Paper presented at Second Seminar on National Resilience (SNAR II), organized by Seri Pacific Hotel, 18-19 October, Kuala Lumpur.
- Zaydan, 'A. K. (1993). *Usul al-Da'wah*. Tab'ah Thalithah. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Zulkefli, A., Abdul, G. D., Ahmad, I. M. & Nur, H. D. N. S. (2019). Pengamalan Bentuk-Bentuk Komunikasi Dakwah Pendakwah Orang Asli. *Al-'Abqari Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. 13 (May): 103-116.
- Zulkefli, A., S.Salahudin, S., & Rosmawati, M.R. (2020). *Komunikasi Dakwah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkefli, A. & Abdul Ghafar, D. (2022). The Implementation of Communication Skills in Da'wah. *Hamdard Islamicus*. 45(1): 81-102. <https://doi.org/10.57144/hi.v45i1.276>
- Zulkefli, A., Md, R. J. & Mohd, D. D. (2025). Local Genius Material Culture of Orang Asli Preservation through Blowpipe. *International Journal of Academic Research In Business And Social Sciences*. 15(3): 1961-1977.